

SPM SEJARAH KERTAS 2

SOALAN-SOALAN SPM BERPOTENSI (TINGKATAN 5) dari MRSM 2012 - 2016

TINGKATAN 5 –

BAB 1: KEMUNCULAN & PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA

SOALAN 1 - **MRSM 2014** BHGN B

Dasar imperialisme Barat telah mencetuskan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat di Asia Tenggara.

- (a) Mengapakah Thailand menjadi satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak dijajah oleh Barat?

[4 markah]

- | | |
|-----|--|
| F1 | Birokrasi Barat telah diperkenalkan sendiri oleh Raja Mongkut dan Raja Chulalongkorn |
| F2 | Melantik 80 orang penasihat barat untuk mengetuai pelbagai jabatan |
| F3 | Melatih pegawai-pegawai tempatan |
| F4 | Penasihat kewangan dan pelabuhan serta polis dibawa dari Britain |
| F5 | Penasihat kastam dan ketenteraan dari Amerika Syarikat dan Perancis |
| F6 | Memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah |
| F7 | Memperkenalkan Majlis Mesyuarat Tertinggi |
| F8 | Majlis ini berfungsi sebagai penasihat raja dalam pentadbiran negeri |
| F9 | Memperkenalkan Kabinet Menteri |
| F10 | Terdiri daripada golongan bangsawan berpendidikan barat yang mengetuai pentadbiran |
| F11 | Juruaudit dari Britain telah diambil untuk berkhidmat dalam perbendaharaan negara |
| F10 | Sistem raja berpelembagaan diperkenalkan |

- (b) Terangkan mengenai gerakan nasionalisme di Thailand.

[6 markah]

Tahap Pertama

- | | |
|----|---|
| F1 | Penentangan terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja |
| F2 | Penentangan terhadap raja berkuasa mutlak |
| F3 | Perkembangan pendidikan telah memberikan pendedahan tertiadap fahaman liberal/ sistem demokrasi/sistem raja berpelembagaan kepada golongan intelek Thailand |
| F4 | Kelemahan sistem pentadbiran |
| F5 | Sikap boros Raja Vajiravudh menyebabkan rakyat tidak berpuas hati |

- F6 Penubuhan Parti Rakyat pada tahun 1932
- F7 Oleh Nai Pridi Panomyong dan Field Marshall Phibul Songram
- F8 Parti Rakyat telah melancarkan Revolusi Thai pada tahun 1932 yang menamatkan sistem raja berkuasa mutlak

Tahap kedua

- F9 Tahap kedua disebabkan oleh rasa tidak puas hati rakyat terhadap cengkaman ekonomi oleh kapitalis Barat dan Cina
- F10 Phibul Songram meluluskan undang-undang untuk menyekat kebebasan dan penguasaan ekonomi oleh orang cina
- F11 Sekolah cina dibubarkan
- F12 Akhbar cina dibubarkan
- F13 Penduduk peribumi digalakkan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi
- F14 Jawatan tertinggi dalam kerajaan hanya untuk penganut agama Budhha
- F15 Phibtil Songram telah menukar nama negara Siam kepada Thailand yang bermaksud Tanah Bebas
- F16 Hasil daripada kerjasama Jepun semasa Perang Dunia Kedua, Thailand telah berjaya mendapatkan semula wilayah-wilayah di Indo China dan Tanah Melayu

(c) (i) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Thailand mengekalkan kedaulatannya. [6 markah]

- H1 Kebijaksanaan pemimpn sangat penting dalam menerajui negara
- H2 Membuat hubungan diplomatik dengan negara lain
- H3 Mengekalkan hubungan baik dengan semua negara
- H4 Pengagihan kekayaan yang adil dan saksama
- H5 Hak penduduk pribumi tidak diketepikan
- H6 Kecekapan dalam urusan pentadbiran
- H7 Melakukan transformasi dalam semua bidang untuk kemajuan negara
- H8 Kerajaan dan rakyat berusaha untuk menyatupadukan rakyat

(ii) Pada pendapat anda, mengapakah semangat nasionalisme perlu ada dalam diri setiap warganegara Malaysia? [4 markah]

- H1 Untuk mengelakkan negara daripada dijajah semula
- H2 Untuk kemajuan ekonomi negara
- H3 Untuk kestabilan politik/pemerintahan/pentadbiran
- H4 Untuk mengekalkan perpaduan rakyat yang pelbagai bangsa dan agama
- H5 Untuk mengekalkan kedaulatan negara
- H6 Untuk keselamatan/keutuhan sesebuah negara

SOALAN 2 - MRSM 2016

Jadual 2 berkaitan perjuangan pemimpin tempatan menentang penjajah.

Nama Tempat	Tokoh
Sungai Krang, Sarawak	X
Pasir Puteh, Kelantan	Y

Jadual 2

(a) Siapakah tokoh berikut?

- (i) X : _____
 (ii) Y : _____

[2 markah]

- (i) X: Rentap
 (ii) Y : Tok Janggut/Haji Mat Hassan b. Munas

(b) Nyatakan kejayaan perjuangan mereka pada peringkat awal penentangan.

- (i) Tokoh X: [1 markah]
 (ii) Tokoh Y: [1 markah]

- (i) Tokoh X
 F1 Menyerang pasukan James Brooke di kubu Nanga Skrang
 F2 Menghalang kezaliman James Brooke
 F3 Berjaya mengusir James Brooke
- (ii) Tokoh Y
 F1 Menyerang dan berjaya menduduki Pasir Putih
 F2 Membentuk sebuah kerajaan di Pasir Putih
 F3 Melantik Engku Besar Jeram sebagai Raja
 F4 Melantik Tok Janggut sebagai Perdana Menteri
 F5 Melantik Che Ishak sebagai Pegawai Daerah

(c) Sebagai seorang pemimpin, apakah langkah yang boleh diambil bagi mempertahankan kedaulatan negara?

[3 markah]

Langkah : (Pertahanan negara dipertingkatkan)
Huraian/penjelasan : (Menggunakan peralatan ketenteraan yang berteknologi moden) Contoh : (Pesawat drone/kapal selam)

Cadangan langkah lain:

- Mengukuhkan perpaduan rakyat
- Memantapkan hubungan diplomatik
- Menjaga perairan/ sempadan negara

(d) Semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat semakin luntur. Berikan hujah anda.

[3 markah]

Pendirian : Ya
Huraian/penjelasan : (Mempertikaikan perlembagaan Malaysia/iidak menghormati lagu negaraku)
Contoh : (Membakar/memijak/mengoyak bendera selepas kalah dalam perlawanan bola sepak)
ATAU
Pendirian : Tidak
Huraian/penjelasan: (rakyat Malaysia bersalu apabila berlaku sesuatu musibah/bencana)
Contoh : (Peristiwa MH370/MH17/banjir besardi Pantai Timur)

SOALAN 3 - MRSM 2016

Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara pada abad ke-19 dapat dibahagikan kepada dua tahap.

a. Terangkan perjuangan tokoh berikut:

(i) Jose Rizal di Filipina

[4 markah]

- (i) Jose Rizal di Filipina
- F1 Memimpin gerakan dakyah
 - F2 Mempunyai pengaruh kuat dan disokong oleh golongan pertengahan yang berpendidikan Barat
 - F3 Menuntut supaya Filipina dijadikan wilayah Sepanyol
 - F4 Bangsa Filipina diberikan hak yang sarna seperti yang diperoleh bangsa Sepanyol

- F5 Bangsa Filipina diberikan kebebasan bersuara
- F6 Menubuhkan Liga Filipina pada tahun 1892
- F7 Berjuang melalui akhbar La Solidaridad
- F8 Menghasilkan novel Noli Me Tangere/El Filibusterismo
- F9 Mendesak kerajaan Sepanyol melakukan pembaharuan politik, ekonomi dan sosial
- F10 Kerajaan Sepanyol terancam
- F11 Ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao
- F12 Dihukum bunuh kerana dituduh terlibat dalam gerakan pemberontakan
- F13 Peneetus gerakan radikal pada tahap kedua

(ii) Raden Adjeng Kartini di Indonesia

[4 markah]

(ii) Raden Adjeng Kartini di Indonesia

- F1 Berusaha memajukan pendidikan
- F2 Untuk kaum wanita
- F3 Menulis karya Habis Gelap Terbitlah Terang/ Penulisan Seorang Puteri Jawa
- F4 Mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia
- F5 Dan penindasan oleh penjajah Belanda
- F6 Inspirasi kepada pejuang-pejuang selepasnya
- F7 Wujud pertubuhan yang lebih tersusun

(b) Mengapakah perjuangan nasionalis Asia Tenggara wajar diconlohi oleh generasi masa kini?

[6 markah]

Contoh:

Perjuangan nasionalis Asia Tenggara wajar dicontohi kerana mereka telah mempertahankan negara daripada ancaman penjajah seperti penentangan Soekarno terhadap Belanda di Indonesia melalui penubuhan Parti Nasional Indonesia (PNI) supaya kedaulatan negara dapat dikembalikan agar masyarakat dapat hidup dengan aman dan sentosa.

Cadangan jawapan:

- Sanggup berkorban nyawa
- Berani menegakkan keadilan
- Memelihara budaya warisan

TINGKATAN 5 -- BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

SOALAN 1 - MRSM 2013

Gerakan Islah merupakan gerakan yang dipelopori oleh Kaum Muda bagi mendorong masyarakat Melayu membetulkan pandangan mereka terhadap Islam.

(b) Nyatakan akhbar dan majalah yang menjadi saluran Gerakan Islah.

- i. _____
ii. _____
- [2 markah]

- F1 Pengasuh
- F2 al-Imam
- F3 Neraca
- F4 Idaran Zaman

(c) Nyatakan dua golongan yang dikritik oleh Kaum Muda.

- i. _____
ii. _____
- [2 markah]

- F1 KaumTua
- F2 Raja/Sultan
- F3 Pembesar
- F4 Penjajah British

(e) Pada pendapat anda, bagaimanakah orang Melayu boleh meningkatkan pencapaian dalam bidang ekonomi?

- i. _____
ii. _____
- [2 markah]

- H1 Melibatkan diri dalam bidang perniagaan
- H2 Berusaha bersungguh-sungguh
- H3 Berjimat-cermat
- H4 Mempunyai semangat berdaya saing
- H5 Berani mengambil risiko
- H6 Menghadiri seminar/bengkel/ceramah
- H7 Peranan daripada pelbagai agensi kerajaan MARA/FELDA
- H8 Bantuan modal daripada institusi kewangan seperti Agro Bank/Bank Rakyat
- H9 Integriti/jujur dalam sebarang tindakan
- H10 Dasar kerajaan

SOALAN 2 - **MRSM 2014**

Ilustrasi berikut merupakan dua orang tokoh tempatan yang berjuang menentang penjajah British.



Hj. Abdul Rahman bin
Limbong



Tok Janggut

(a) Berikan nama tempat berlakunya peristiwa penentangan oleh tokoh tersebut?

Tok Janggut : _____
Haji Abdul Rahman Limbong : _____

[2 markah]

- (i) Pasir putih Kelantan/ Saring
- (ii) Kuala Telemong/ Kuala Berang Terengganu

(d) Mengapakah semua penentangan pemimpin tempatan di Tanah Melayu berakhir dengan kegagalan?

(i) _____
(ii) _____

[2 markah]

- F1 Tidak memiliki kepakaran/teknologi
- F2 Perjuangan tidak meluas
- F3 Penduduk tidak bersatu padu
- F4 British menggunakan nama Sultan/arahan Sultan
- F5 Tentera yang ramai dan lengkap bersenjata dari luar

(e) Cadangkan strategi yang sewajarnya dilakukan oleh pemimpin tempatan dalam usaha menentang British.

(i) _____
(ii) _____

[2 markah]

- F1 Melibatkan semua pemimpin/semua rakyat
- F2 Penggunaan teknologi yang moden
- F3 Meningkatkan kepakaran/teknik peperangan
- F4 Melakukan perancangan yang rapi

SOALAN 3 - MRSM 2015

Maklumat berikut merupakan penggerak kepada perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Akhbar/Majalah/Novel	Persatuan
<ul style="list-style-type: none"> • Warta Malaya • Majalah Guru • Anak Mat Lela Gila 	<ul style="list-style-type: none"> • Kesatuan Melayu Singapura • PAS PA M • Persatuan negeri

- (a) Bagaimanakah bidang penulisan boleh berperanan sebagai alat penyatuan bangsa di Malaysia?

[2 markah]

- F1 Menyebarkan maklumat secara benar dan tepat
- F2 Menyeru kepada pengalaman sifat terpuji/ nilai murni
- F3 Menggalakkan rakyat maju dalam pelbagai bidang
- F4 Membangkitkan kesedaran untuk bersatu padu
- F5 Memupuk rasa cinta kepada tanah air
- F6 Menjadi penghubung di antara masyarakat dengan pemimpin
- F7 Menjadi medan perbincangan suara rakyat/ masalah rakyat secara matang/bijaksana
- F8 Melahirkan masyarakat berilmu/ berpengetahuan/ intelektual
- F9 Menjadi saluran kepada rakyat untuk menyampaikan idea
- F10 Menyampaikan maklumat secara beretika

- (b) Jelaskan kejayaan perjuangan persatuan-persatuan tersebut.

[2 markah]

- F1 Kebajikan orang Melayu Singapura mendapat perhatian British
- F2 Memperoleh penempatan khas bagi orang Melayu Singapura
- F3 Mendorong penubuhan cawangan KMS di Melaka, Pulau Pinang dan negeri Melayu yang lain
- F4 Menggalakkan ahli-ahli PASPAM berkenal-kenalan/ bertukar-tukar pendapat
- F5 Menggalakkan perpaduan/ persaudaraan dalam kalangan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- F6 Menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi/ pendidikan/ perkhidmatan kerajaan

- (c) Sebagai pemimpin persatuan, apakah usaha anda untuk membantu merealisasikan Program Transformasi Negara?

[3 markah]

- F1 Memberi penerangan secara tepat mengenai GST
- F2 Menyokong pelaksanaan program GTP
- F3 Melibatkan sektor swasta/ NGO dalam menjayakan program-program kerajaan
- F4 Memerangi gejala rasuah/ kadar jenayah
- F5 Mengadakan perbincangan/ musyawarah dengan baik
- F6 Menjana idea yang berkesan dalam menyelesaikan masalah
- F7 Bergerak secara kolektif/ beramai-ramai
- F8 Menggalakkan kemajuan rakyat/ komuniti
- F9 Peka terhadap perkembangan/ isu semasa
- F10 Melahirkan lebih ramai pemimpin/ ketua
- F11 Menjalinkan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa
- F12 Melahirkan pemimpin masa depan
- F13 Memberi cadangan ilmiah/ positif
- F14 Mendepani isu-siu terkini/ hangat/ antarabangsa

TINGKATAN 5 -- BAB 3 : Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa

SOALAN 1 - MRSM 2016

- (a) Senaraikan dua ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[2 markah]

- F1 Wilayah pengaruh
- F2 Kerajaan
- F3 Rakyat
- F4 Lambang-lambang
- F5 Keunggulan undang-undang
- F6 Kedaulatan

- (b) Nyatakan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang masih diamalkan di negara kita sehingga hari ini?

[2 markah]

- F1 Raja/Sultan sebagai ketua negeri
- F2 Adat istiadat Melayu masih terus diamalkan
- F3 Agama Islam sebagai agama rasmi
- F4 Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara
- F5 Gelaran Sultan pada awal nama
- F6 Sistem perwarisan takhta yang mengikut keturunan sebelah bapa/putera sulung dengan permaisuri/adik lelaki sultan
- F7 Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri
- F8 Alat kebesaran diraja/ regalia/ warna/ bahasa/ protokol menjadi warisan yang dikekalkan

(d) Mengapakah warisan Kesultanan Melayu Melaka perlu dipertahankan?

[3 markah]

Sebab : Asas kepada sistem pemerintahan pada hari ini
Huraian penjelasan: (Menjadi bukti kekuatan ketamadunan Melayu)
Contoh : (Yang Dipertuan Agong adalah ketua negara Malaysia)

Cadangan jawapan lain:

- Menjaga hak istimewa orang Melayu
- Memelihara kesucian hal ehwal agama Islam
- Memelihara hubungan antara rakyat dengan raja
- Mengekalkan institusi beraja

TINGKATAN 5 -- BAB 4 : Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia

SOALAN 1 - MRSM 2013

Pernyataan berikut berkaitan usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu 1957.

- Suruhanjaya Reid Mac 1956
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

(a) Namakan dua orang ahli Suruhanjaya Reid.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

F1 Lord Reid

- F2 Sir Ivor Jennings
- F3 Sir William McKell
- F4 Tunku Abdul Hamid
- F5 Tuan B. Malik

(b) Nyatakan dua isu yang dijadikan panduan oleh Suruhanjaya Reid dalam merangka perlembagaan baru.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

- F1 Pembentukan Kerajaan Persekutuan yang kuat
- F2 Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu
- F3 Kedudukan Raja-Raja Melayu
- F4 Hak istimewa orang Melayu
- F5 Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu

(c) Nyatakan dua jenis kerakyatan yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

- F1 Kuat kuasa undang-undang
- F2 Permohonan
- F3 Naturalisasi
- F4 Prinsip *Jus Soli*

(d) Senaraikan dua isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- i. _____
- ii. _____

[2 markah]

- F1 Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan
- F2 Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri
- F3 Institusi raja dijadikan Raja Berperlembagaan peringkat negeri dan negara
- F4 Tiga jenis kerakyatan diwujudkan
- F5 Kuat kuasa undang-undang
- F6 Permohonan
- F7 Naturalisasi
- F8 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- F9 Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan
- F10 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- F11 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- F12 Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Negara

- F13 Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen
- F14 Di peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran
- F15 Dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO

(e) Sebagai warganegara, cadangkan cara terbaik untuk menyambut hari kemerdekaan negara.

i. _____

ii. _____

[2 markah]

- H1 Mengibarkan bendera/Jalur Gemilang
- H2 Mengambil bahagian dalam acara perbarisan/perarakan
- H3 Menghadiri majlis sambutan kemerdekaan/ambang merdeka
- H4 Menyanyikan lagu patriotik dengan penuh semangat
- H5 Menonton filem patriotik
- H6 Membuat ucapan kemerdekaan melalui media baru/menghasilkan kad ucapan
- H7 Menyertai aktiviti/pertandingan/seminar/bulan kemerdekaan
- H8 Menghargai tokoh-tokoh kemerdekaan
- H9 Mengadakan lawatan ke mercu tanda negara/tempat bersejarah
- H10 Mengadakan majlis keagamaan/kesyukuran/bacaan Yasin

SOALAN 2 - MRSM 2014

Jadual berikut menunjukkan peristiwa yang berlaku di Sarawak dan Sabah sekitar tahun 1946.

Sabah	Sarawak
Penyerahan Sabah kepada British	Penyerahan Sarawak kepada British

(a) Vyner Brooke bercadang untuk menyerahkan Sarawak kepada British. Siapakah wakil yang dihantar untuk mendapatkan persetujuan pembesar tempatan?

_____ [1 markah]

Sir Gerald Mac Bryan

(c) Apakah tindakan British dalam menangani penentangan tersebut?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

- F1 British mengeluarkan Surat Pekeliling Bil 9
- F2 British memberikan amaran bahawa tindakan akan diambil terhadap kakitangan kerajaan yang terlibat
- F3 Menghukum gantung Rosli Dhobi
- F4 Tiga orang rakan Rosli Dhobi juga dihukum mati
- F5 Menangkap pemimpin tempatan yang terlibat

(d) Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu menyokong tindakan rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]

F1 Rakyat Sarawak dipaksa untuk menerima penjajahan British secara mutlak

F2 Vyner Brooke telah murgkir janji

F3 Bercanggah dengan Perlembagaan 1941

F4 Memastikan negeri tidak berterusan dijajah

(e) Mengapakah British tidak menghadapi masalah untuk mengambil alih pentadbiran Sabah?

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]

H1 Kesedaran politik di Sabah amat perlahan

H2 Petubuhan politik berpecah belah

H3 Perjuangan politik tidak berkesan

H4 Persatuan yang ditubuhkan hanya bersifat sosio ekonomi yang bersifat sederhana

H5 Tiada tentangan yang jelas dan terbuka daripada penduduk tempatan

H6 Persatuan yang terdapat kemudiannya telah terkubur begitu sahaja

H7 Taraf celik huruf adalah rendah

H8 Tiada pemimpin yang berkaliber

SOALAN 3 - **MRSM 2015** BAHAGIAN B

Selepas Perang Kedua, kemuncak kesedaran tentang pembinaan negara dan bangsa dapat dilihat melalui penentangan penduduk terhadap Malayan Union dan penyerahan dan penyerahan Sarawak kepada British pada tahun 1946.

a. Perjuangan menentang Malayan Union menjadi titik tolak kejayaan orang Melayu dalam mendaulatkan negara dan bangsa. Kemukakan hujah anda.

[6 markah]

H1 Menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk bergerak secara kolektif/kolaboratif

H2 Menyatukan semua persatuan Melayu yang bersifat kenegerian

H3 Menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan status quo

H4 Berjaya menganjurkan Kongres Melayu 1946 yang disertai oleh 41 buah persatuan dari seluruh Semenanjung Tanah Melayu

H5 Penubuhan UMNO sebagai organisasi di peringkat nasional yang menyatupadukan orang Melayu

H6 Muncul tokoh pejuang Melayu yang berwibawa seperti Dato' Onn/Dato' Nik Ahmed Kamil/Za'ba/Dato' Panglima Bukit Gantang

- H7 Wujud kesedaran untuk berjuang melalui parti politik
- H8 Berjaya menggagalkan gagasan Malayan Union
- H9 Kebijaksanaan tindakan orang Melayu menentang Malayan Union tanpa kekerasan
- H10 Desakan orang Melayu berjaya menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- H11 Desakan orang Melayu berjaya mengembalikan kuasa Sultan/ketuanan Melayu
- H12 Berjaya memelihara kesucian agama Islam
- H13 Kejayaan ini menjadi momentum proses menubuh keraerdekaan
- H14 Berjaya mengembalikan/mengekalkan sistem pemerintahan/ketamadunan Melayu
- H15 Berjaya memerintah negara mengikut acuan kita sendiri Demokrasi Berparlimen/Raja Berperlembagaan

- b. Rosli Dhobi merupakan anak muda yang berani berjuang menentang British di Sarawak. Sebagai seorang anak muda seusia tokoh tersebut, jelaskan tindakan anda bagi mempertahankan maruah negara.

[6 markah]

- H1 Sentiasa menjaga nama baik negara walau di mana jua berada
- H2 Sanggup berkorban demi negara
- H3 Tidak melibatkan diri dalam aktiviti keganasan/anasir subversif
- H4 Menjauhkan diri daripada aktiviti yang tidak bermoral
- H5 Menjunjung nama Malaysia dengan menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa
- H6 Sentiasa patuh pada ajaran agama
- H7 Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat perjuangan
- H8 Melibatkan diri dalam persatuan badan kerajaan/badan bukan kerajaan/sukarelawan/badan beruniform
- H9 Mempraktikkan prinsip-prinsip Rukun Negara dalam kehidupan
- H10 Menjunjung tinggi keluhuran perlembagaan Negara
- H11 Menghargai sejarah/jasa/sumbangan tokoh-tokoh pemimpin negara

TINGKATAN 5 -- BAB 5 : Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka

SOALAN 1 - MRSM 2013 BAHAGIAN B

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan badan yang bertanggungjawab mengendalikan proses pilihan raya sama ada peringkat negeri atau persekutuan di Malaysia.

- a. Berdasarkan sistem pilihan raya di Malaysia, nyatakan syarat-syarat kelayakan berikut:

- (i) Calon [5 markah]
- (ii) Pengundi [5 markah]

(i) Calon

- F1 Warganegara Malaysia
- F2 Berumur 21 tahun dan ke atas
- F3 Bermastautin di Malaysia
- F4 Sempuma akal
- F5 Bukan orang yang muflis
- F6 Tidak memegang jawatan dalam perkhidmatan awam
- F7 Tidak disabitkan dengan sesuatu kesalahan oleh mahkamah (hukuman penjara tidak kurang daripada 12 bulan atau didenda tidak kurang daripada RM2 000 dan belum mendapat pengampunan)
- F8 Boleh bertanding atas nama parti atau atas nama individu sebagai calon bebas F9 Mengemukakan kertas penamaan calon pada hari penamaan calon

(ii) Pengundi

- F1 Namanya didaftar dalam Senarai Daftar Pemilih
- F2 Berumur 21 tahun dan ke atas
- F3 Bermastautin atau tidak bermastautin
- F4 Tinggal di mana-mana kawasan pilihan raya Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri (DUN)
- F5 Seorang pengundi hanya boleh mengundi dalam satu kawasan pilihan raya sahaja
- F6 Boleh mengundi secara pos
- F7 Anggota pasukan keselamatan/pelajar di luar negara/dan pegawai kerajaan yang bertugas di luar negara
- F8 Boleh mengundi awal
- F9 Petugas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan wartawan
- F10 Menggunakan dakwat kekal

(b) Pada pendapat anda, apakah faktor yang menentukan kemenangan seseorang calon dalam pilihan raya?

[4 markah]

- F1 Ketokohan calon itu sendiri
- F2 Parti yang diwakili
- F3 Manifesto parti
- F4 Cara berkempen
- F5 Sumber kewangan
- F6 Sokongan rakyat
- F7 Strategi memancing undi
- F8 Latar belakang keluarga
- F9 Dasar parti
- F10 Merupakan tokoh tempatan

SOALAN 2 - MRSM 2014 BAHAGIAN B

Pernyataan berikut berkaitan usaha ke arah kemerdekaan Tanah Melayu 1957.

- Suruhanjaya Reid Mac 1956
- Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957

(a) Terangkan mengenai Suruhanjaya Reid.

[6 markah]

- F1 Dibentuk pada Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan PTM yang merdeka
- F2 Diketuai oleh Lord Reid (Hakim British)
- C2a Ahli lain ialah Sir Ivor Jennings (England)
- C2b Sir William McKell (Bekas Gabenor Jeneral Australia)
- C2c Tuan B Malik (Hakim Mahkamah Tinggi India)
- C2d Tuan Abdul Hamid (Pakistan)
- F3 Tugas suruhanjaya ini adalah untuk merangka sebuah perlembagaan bagi PTM yang akan merdeka
- F4 Beberapa isu menjadi panduan
- H4a Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat
- H4b Pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu
- H4c Mengambil kira kedudukan Raja-Raja Melayu
- H4d Mengambil kira kedudukan dan hak istimewa orang Melayu
- H4e Pewujudan satu bangsa PTM juga diberi perhatian
- H4f Isu Jus Soli
- F5 Menerima sebanyak 131 memorandum daripada pelbagai pihak
- H5a Daripada Raja-Raja Melayu
- H5b Orang perseorangan
- H5c Dan pertubuhan politik
- F6 Sebagai kerajaan, cadangan Parti Perikatan diberi perhatian utama
- F7 Cadangan ini diterbitkan pada Februari 1957
- F8 Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan TM pada 17 Ogos 1957

(b) Nyatakan isi kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[4 markah]

- F1 Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan
- F2 Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri
- F3 Melalui senarai persekutuan dan senarai negeri
- F4 Institusi raja dijadikan raja berpelembagaan peringkat negeri dan negara
- F5 Tiga jenis kerakyatan diwujudkan
- F6 Secara kuatkuasa undang-undang

- F7 Secara permohonan
- F8 Secara naturalisasi (kerakyatan yang diluluskan oleh Yang DiPertuan Agong bagi mereka yang berjasa kepada negara)
- F9 Prinsip kerakyatan jus soli diterima
- F10 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
- F11 Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan
- F12 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan
- F13 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- F14 YDP Agong menjadi ketua negara
- F15 Sultan mengetuai negeri
- F16 Di peringkat negeri, Menteri Besar/Ketua Menteri menjadi pelaksana pentadbiran
- F17 Dengan dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan Exco
- F18 Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen
- F19 Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa Parlimen

(c) (i) Jelaskan kepentingan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 kepada rakyat dan negara Malaysia sehingga ke hari ini.

[6 markah]

- F1 Membolehkan sebuah kerajaan demokrasi dibentuk
- F2 Konsep Raja berpelembagaan dibentuk
- F3 Mewujudkan perpaduan
- F4 Keharmonian kaum dapat dicapai tanpa menumpahkan darah
- F5 Memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah Negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri
- F6 Setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka
- F7 Mengenenpikan perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa
- F8 Perlembagaan melindungi semua warganegara
- F9 Mendapat hak sebagai warganegara seperti berhimpun, bercakap, beragama
- F10 Kemerdekaan negara tanpa pertumpahan darah
- F11 Penerapan kesepakatan/kerjasama/toleransi

(ii) Sambutan ulang tahun kemerdekaan negara kurang mendapat sambutan daripada rakyat Malaysia. Cadangkan cara untuk menyemarakkan sambutan kemerdekaan negara.

[4 markah]

- H1 Membuat program yang menarik minat masyarakat
- H2 Membuat kempen kesedaran di peringkat sekolah
- H3 Perkasakan program bulan kemerdekaan di setiap negeri
- H4 Jalur Gemilang diedarkan di semua agensi/kawasan perumahan
- H5 Melibatkan selebriti dan bidang agama dan hiburan yang beretika
- H6 Mengadakan konvoi merdeka/jelajah Merdeka
- H7 Mengadakan pameran yang menarik dan futuristik yang boleh menarik minat generasi muda

- H8 Mengadakan program keagamaan yang menarik yang mencipta rekod contohnya, Larian Serentak Merdeka, Bacaan Yasin tanpa henti seluruh negara yang dicatatkan dalam Books of Records

TINGKATAN 5 -- BAB 6 : PEENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA MALAYSIA

SOALAN 1 - MRSM 2012 BAHAGIAN B

Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 adalah disebabkan oleh faktor politik, ekonomi dan sosial.

a. Terangkan mengenai Perjanjian Malaysia 1963.

[6 markah]

- F1 Perjanjian Malaysia telah ditandatangani di London pada 9 Julai 1963
- F2 Ratu Elizabeth II telah memperkenankan Akta Malaysia
- F3 Akta tersebut telah diluluskan oleh Parlimen Britain
- F4 Akta Malaysia ialah akta yang memperuntukkan penggabungan negeri-negeri berkenaan yang seterusnya dinamakan Malaysia
- F5 Parlimen Tanah Melayu telah meluluskan Perjanjian Malaysia
- F6 Dewan Perhimpunan Singapura turut meluluskannya
- F7 Diluluskan Majlis Undangan Sarawak
- F8 Diluluskan oleh Majlis Undangan Sabah
- F9 Pada 26 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan Akta Malaysia
- F10 Pada 16 September 1963, negara Malaysia ditubuhkan secara rasmi
- F11 Ia melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah
- F12 Brunei menarik diri daripada menyertai Malaysia kerana enggan menyerahkan hasil rakyatnya kepada Malaysia
- F13 Akta Malaysia telah memperuntukkan beberapa perkara
- F14 Semua urusan hal ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan
- F15 Agama Islam merupakan agama Persekutuan kecuali Sarawak dan Sabah
- F16 Agama lain bebas diamalkan
- F17 Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan, tetapi bahasa Inggeris dan Bahasa lain masih boleh digunakan
- F18 Bagi Sabah dan Sarawak bahasa rasminya ialah bahasa Inggeris sehingga 10 Tahun selepas Hari Malaysia (16 September 1963)
- F19 Sabah dan Sarawak diberi kuasa mengawal hal ehwal imigresen dan perkhidmatan awam
- F20 Sarawak memperoleh 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi bagi perwakilan parlimen
- F21 Rakyat bumiputera di Sarawak mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu

(b) Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara negeri-negeri di Malaysia?

[6 markah]

- F1 Saling menghormati antara satu sama lain
- F2 Mematuhi undang-undang negara
- F3 Menghayati dasar-dasar negara/prinsip Rukun Negara
- F4 Setia kepada pemimpin
- F5 Kerjasama/semangat tolong-menolong/muafakat
- F6 Menghormati hak asasi manusia
- F7 Bekerjasama membantu menghapuskan kegiatan jenayah/gejala negatif
- F8 Sanggup berkorban untuk bangsa dan negara
- F9 Mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan jenayah
- F10 Layanan yang adil kepada semua negeri
- F11 Mengadakan program-program peringkat kebangsaan/melibatkan negeri-negeri
- F12 Pembangunan ekonomi yang seimbang di semua negeri
- F13 Pemimpin peringkat pusat diwakili daripada semua negeri

SOALAN 2 - MRSM 2013 BAHAGIAN B

Maklumat berikut berkaitan pembentukan Malaysia.

27 Mei 1961	16 September 1963
Cadangan penubuhan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman.	Pengisytiharan pembentukan Malaysia.

(a) Terangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia.

[8 markah]

F1 Perkembangan politik di Singapura

- H1a Bimbang kepada perkembangan pengaruh Barisan Sosialis di Singapura
- H1b Mampu melemahkan Parti Tindakan Rakyat pimpinan Lee Kuan Yew
- H1c Menggugat rancangan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Singapura kerana Barisan Sosialis adalah parti berhaluan kiri/berfahaman komunis

F2 Ancaman komunis

- H2a Lee Kuan Yew mendesak supaya menggabungkan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu (PTM)
- H2b Tujuannya ialah untuk menghalang pengaruh komunis di Singapura
- H2c Persekutuan Tanah Melayu (PTM) mempunyai pengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM) sejak darurat (1948-1960)
- H2d Ancaman komunis juga terdapat di Sarawak
- H2e Ia diperjuangkan oleh *Clandestine Communist Organization* (CCO)

H2f Matlamat *Clandestine Communist Organization* (CCO) ialah untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri komunis

F3 Mempercepatkan kemerdekaan

H3a Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei

H3b Ketika itu negeri-negeri tersebut belum mampu berkerajaan sendiri

H3c Selain merdeka, negeri-negeri tersebut juga akan dapat menikmati pembangunan sosial, ekonomi dan politik

F4 Proses dekolonisasi British

H4a Usul Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1960) agar penjajah memerdekakan negeri-negeri yang dijajah

H4b Kejayaan pembentukan Malaysia diharapkan dapat memberikan kestabilan politik kepada rantau Asia Tenggara

H4c British juga berharap pembentukan Malaysia dapat menghalang penyebaran komunis di Singapura dan Borneo

F5 Faktor ekonomi

H5a Penubuhan Malaysia akan mewujudkan satu pasaran yang luas

H5b Menggalakkan pelaburan

H5c Membantu perkembangan industri pertanian

H5d Kerjasama serantau akan dapat memanfaatkan keistimewaan dan sumber-sumber yang ada di negeri-negeri tersebut

H5e Tanah Melayu kaya dengan getah dan bijih timah/Sarawak dan Sabah kaya dengan sumber balak/Brunei kaya dengan sumber minyak

F6 Faktor sosial

H6a Untuk mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum

H6b Dapat memajukan negeri-negeri yang belum membangun seperti Sarawak dan Sabah

H6c Memperlihatkan kesepakatan/sernangat setiakawan antara negeri anggota demi untuk kepentingan bersama

(b) Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan bagi mendapatkan sokongan rakyat Sarawak dan Sabah terhadap penubuhan Malaysia.

[8 markah]

F1 Pada Jun 1961, Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatan ke Sarawak dan Sabah

H1a Tujuan lawatan ialah untuk menerangkan mengenai konsep, tujuan dan matlamat penubuhan Malaysia

F2 Rundingan antara pegawai-pegawai kanan Persekutuan Tanah Melayu dengan pegawai-pegawai British di Sarawak dan Sabah

- F3 Menubuhkan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia/Kaum (JPPK) – Julai 1961 di Singapura
- F4 Peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) ialah menerangkan/ mengumpul maklumat/dan membuat cadangan tentang gagasan Malaysia
- F5 Dalam mesyuarat terakhir di Singapura pada Februari 1962 Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum (JPPK) bersetuju menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Cobbold
- F6 Memorandum tersebut mengandungi beberapa cadangan dan pandangan penduduk Sarawak dan Sabah untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan baru
- F7 Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi meninjau pandangan rakyat Sarawak dan Sabah mengenai penubuhan Malaysia
- F8 Suruhanjaya Cobbold telah menerima memorandum yang dikemukakan oleh pelbagai pertubuhan
- F9 Suruhanjaya Cobbold telah membuat penilaiannya sendiri
- F10 Pada Jun 1962, Suruhanjaya Cobbold telah mengemukakan laporannya kepada kerajaan British
- H10a Satu per tiga sokong tanpa syarat
- H10b Satu per tiga sokong dengan syarat kepentingan mereka harus dilindungi
- H10c Satu per tiga lagi menginginkan kemerdekaan dahulu sebelum menyertai Malaysia
- F11 Suruhanjaya Cobbold juga mengemukakan cadangannya kepada kerajaan British
- H11a Perlembagaan Malaysia berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Meiyau 1957
- H11b Sarawak dan Sabah diberikan kuasa menentukan dasar imigresennya
- H11c Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- H11d Jaminan terhadap hak dan kedudukan bumiputera Sarawak dan Sabah
- H11e Pemberian nama Malaysia
- H11f Tarikh penubuhan Malaysia Sabah
- F12 Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) dibentuk pada Ogos 1962
- F13 Tujuan penubuhannya ialah untuk memperincikan cadangan Suruhanjaya Cobbold
- F14 Anggota Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) terdiri daripada wakil-wakil dari Persekutuan Tanah Melayu, Britain, Sarawak dan Sabah
- F15 Dipengerusi dan dibantu oleh Lord Landsdowne Menteri Negara dan Tanah Jajahan
- F16 Mengunjungi Sarawak dan Sabah bagi menerangkan mengenai penubuhan Malaysia
- F17 Bermesyuarat sebanyak 24 kali bagi mewajarkan kemasukan Sarawak dan Sabah ke dalam Malaysia
- F18 Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sarawak dan Sabah
- F19 Selepas mesyuarat MAPHILINDO, Setiausaha Agong PBB, iaitu U Thant telah membentuk sebuah Jawatankuasa
- F20 Diketuai oleh Lawrence Michaelmore dari Amerika Syarikat bersama tujuh orang wakil

- F12 Tugasnya ialah meninjau sekali lagi pendapat rakyat Sarawak dan Sabah
- F22 Hasilnya mereka mendapati majoriti rakyat Sabah dan Sarawak bersetuju menyertai Malaysia
- F23 Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak dapat disiapkan
- F24 Penentangan berterusan daripada Indonesia dan Filipina
